



PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN DAERAH PETALING
NO. 1, PERSIARAN ATMOSFERA, SEKSYEN U5
40150 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon: 03-7841 9400
No.Fax: 03-7842 2140 (Pegawai Daerah)
03-7846 0730 (K.Pengurusan)
03-7846 0564 (P.Tanah)
03-7842 2694 (Pem. Daerah)
Laman Web: www.selangor.gov.my/petaling

EDARAN SEGERA


Ruj. Tuan :

Rujukan) dlm.PTD.P 16/1/2014 jld.10

Tarikh : 9 September 2021

Badan Peguam Malaysia
No.13.15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur
Tingkat 4
Wisma Hangsam
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

 **Jawatankuasa Peguam Selangor**
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan




YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN APLIKASI APPOINTLET BAGI URUSAN JANJI TEMU UNIT PENDAFTARAN DAN UNIT PINDAHMILIK, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana maklum, semua urusan kaunter di Unit Pendaftaran dan Unit Pindahmilik di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling adalah melalui kaedah janji temu sahaja sepertimana surat arahan pengoperasian kaunter dari Pejabat Tanah dan Galian Selangor bertarikh 23 Julai 2021.
3. Permohonan mendapatkan janji temu pula adalah menggunakan emel. Setelah sebulan pelaksanaan kaedah menggunakan emel bagi mendapatkan tarikh janji temu, didapati jumlah permohonan janji temu yang diterima adalah sangat tinggi. Akibatnya banyak aduan diterima daripada pelanggan berhubung kelewatan mendapat tarikh janji temu.
4. Sebagai langkah penambahbaikan, bermula pada 6 September 2021 (Isnin), kaedah permohonan janji temu secara emel telah digantikan dengan penggunaan aplikasi *Appointlet*. Pautan masuk ke aplikasi ini telah diletakkan di laman sesawang Pejabat Daerah dan Tanah Petaling. Di dalam aplikasi *Appointlet* ini, tarikh janji temu boleh ditempah bagi tarikh bermula pada 1 Oktober 2021.



**PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN APLIKASI APPOINTLET BAGI URUSAN JANJI TEMU
UNIT PENDAFTARAN DAN UNIT PINDAHMILIK, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING**

5. Berikut merupakan pautan *Appointlet* bagi mendapatkan tarikh janji temu:

BIL.	UNIT/BAHAGIAN	EMEL
1.	Unit Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Tanah	https://appt.link/pendaftaranpetaling/
2.	Unit Kebenaran Pindahmilik/ Gadaian /Lelongan Awam, Bahagian Pengurusan Tanah	https://appt.link/consentpetaling

6. Selaras dengan penggunaan aplikasi Appointlet, permohonan janji temu secara emel telah dihentikan bermula pada 3 September 2021 (Jumaat) jam 9.00 pagi. Bagi permohonan janji temu yang telah diterima menerusi emel sehingga 3 September 2021 (Jumaat) jam 8.59 pagi, Unit Pendaftaran dan Unit Pindahmilik akan menyelesaikan semua permohonan janji temu ini sepanjang bulan September 2021.

7. Sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan pentadbiran ini, pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh dihubungi talian 7841 9400 (8.30 pagi – 5.00 petang) atau menerusi email seperti berikut:


BIL.	UNIT/BAHAGIAN	EMEL
1.	Unit Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Tanah	pendaftaranpetaling@selangor.gov.my
2.	Unit Kebenaran Pindahmilik/ Gadaian /Lelongan Awam, Bahagian Pengurusan Tanah	consentpetaling@selangor.gov.my

8. Kerjasama YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' JOHARY BIN ANUAR D.P.M.S)
Pegawai Daerah Petaling

PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN APLIKASI *APPOINTLET* BAGI URUSAN JANJI TEMU
UNIT PENDAFTARAN DAN UNIT PINDAHMILIK, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

s.k.:

Pengarah

Pejabat Tanah dan Galian Selangor
Aras 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam
Selangor

Ketua Pengarah

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Aras 4, Podium 1
Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana
62574, Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya